

جurnal قنديقر اسلام  
Jurnal

# PENDIDIKAN ISLĀM

Jilid 10 Bil. 2    Disember 2002/Syawal 1423H    ISSN 0127-5-153    Harga RM10.00

## DAFTAR ISI

- 
- |  |   |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> INSTITUSI PENDIDIKAN ABIM PERAK: SATU PENILAIAN AWAL<br>Haji Mahyuddin Haji Ashaari | 1 |
|--|---|
- 
- |  |   |
|--|---|
| <input type="checkbox"/> DUALISME PENDIDIKAN UMAT ISLAM DI MALAYSIA: SEJARAH,<br>PERKEMBANGAN DAN CABARAN MASA DEPAN<br>Rosnani Hashim | 9 |
|--|---|
- 
- |  |    |
|--|----|
| <input type="checkbox"/> CABARAN TM KEPADA PENDIDIKAN DALAM BAHASA MELAYU<br>Shaharir Mohamad Zain | 29 |
|--|----|
- 
- |   |    |
|---|----|
| <input type="checkbox"/> PENYIMPANGAN SOSIAL DAN KESANNYA TERHADAP MASYARAKAT<br>ISLAM MALAYSIA: SATU PENILAIAN MENURUT ISLAM<br>Hasnan Kasan | 47 |
|---|----|
- 
- |   |    |
|---|----|
| <input type="checkbox"/> PLANNING AN EFFECTIVE EDUCATION FOR PRE-SCHOOL<br>CHILDREN: WITHIN ISLAMIC AND WESTERN PERSPECTIVE<br>Mastura Badzis | 65 |
|---|----|
- 
- |   |    |
|---|----|
| <input type="checkbox"/> ULASAN BUKU : MENJEJAK KUALITI MENJANA<br>KECEMERLANGAN<br>Ghazali Basri | 79 |
|---|----|



جurnal قنديديقر اسلام  
Jurnal  
**PENDIDIKAN  
ISLAM**

---

Jilid 10 Bil. 2    Disember 2002/Syawal 1423H    ISSN 0127-5-153    Harga RM10.00

---

Ketua Pengarang

**DR. GHAZALI BASRI**

Penolong Ketua Pengarang

**DR. ROSNANI HASHIM**

Sidang Pengarang

**Dr. Ab. Halim Muhammady (UKM)**

**Hj. Ahmad Mohammad Said (KDH)**

**Dr. Jariah Masud (UPM)**

**Dr. Khadijah Zon (USM)**

**Dr. Nik Aziz Nik Pa (UM)**

**Dr. Ratnawati Ashraf (ULAM)**

**Dr. Tajul Nordin Ariffin (UKM)**

Diterbitkan Oleh:

**KOLEJ DAR-AL-HIKMAH (KDH)**

Sg. Ramal Luar, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan.

Tel: 03-89252392, 89268915 / 8919 / 8921 Fax: 03-89252477

E-mail: [darulhikmah@hotmail.com](mailto:darulhikmah@hotmail.com) Laman Web: [www.hikmah.net.my](http://www.hikmah.net.my)

# **Dualisme Pendidikan Umat Islam di Malaysia: Sejarah, Perkembangan dan Cabaran Masa Depan**

Oleh  
Dr. Rosnani Hashim

## **Abstract**

*Dualistic system of education is a commonplace phenomenon for any nation that has been colonized by the western power, and Malaysia, once under the British rule is not an exception. With the introduction of western education in the beginning of early 19<sup>th</sup> century, the existing religious education was sidelined and later supplanted with secular education. This present paper attempts to trace the origin of secular education by focusing the discussion of the concept of dualism in education. By "dualism" it means that there are two systems of education that run parallel as in this case: the religious and the secular system. This paper attempts to provide an overview on the genesis of dualism in education in the post-independence Malaysia, its challenges and its prospects. In the period of late 70s and early 80s Malaysia had witnessed an Islamic resurgence, culminating in the implementation of Islamization policy by the government. As a result of this there was a great demand for Islamic school system of education. This means the already existing National Education School System has to accommodate an increase in number of such schools popularly known as SMKA. Aside from this there are already numerous public religious school known as SAR which are also in great demand. The reality is that, with the increase in both structure and content of the Islamic school system does not change the status of dualism, rather it reinforces its dualistic nature. The present writer argues that so long there is no attempt to narrow the gap between the so-called religious and secular school system, the hope for an integrated, holistic system of education will not prevail. There's yet other issues added to this. The present vernacular school system at the primary levels such as the Chinese and the Tamil Primary School (SRJK) would certainly pose an obstacle for the integration. Thus, the present writer, as a matter of national interest and as advocate of integrated school system of education concludes the paper with some practical suggestions, for the realisation of integrated system of education.*

## **Pengenalan**

Isu dualisme dalam pendidikan hangat dibincangkan pada dan selepas Persidangan Sedunia Pertama Mengenai Pendidikan Islam di Makkah pada tahun 1977. Malaysia, sebuah negara Islam tidak terkecuali daripada dilanda masalah ini. Kewujudan dua sistem pendidikan bagi umat Islam di negara ini bermula selepas

penjajahan oleh pihak Inggeris pada abad ke-18. Dua sistem pendidikan ini—sistem kebangsaan sekular dan pendidikan agama Islam—berjalan serentak dan berfungsi melahirkan golongan cendekiawan yang berbeza mengikut falsafah pendidikan yang mendasari kedua-dua sistem pendidikan ini. Semenjak mencapai kemerdekaan 45 tahun yang lepas, banyak usaha telah dilakukan oleh kerajaan khususnya melalui Kementerian Pendidikan (KP) untuk mengatasi masalah dualisme pendidikan ini. Perubahan dilakukan di peringkat falsafah, pengurusan, kurikulum dan dasar, dan paling inovatif ialah penubuhan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA). Namun dualisme pendidikan masih wujud dan kadang-kala kelihatan sistem lebih mantap. Malahan sistem pendidikan agama yang di luar daripada sistem pendidikan kebangsaan terus mendapat perhatian dari masyarakat Islam. Kertas kerja ini menelusuri sejarah kemunculan dualisme pendidikan di Malaysia, menganalisis perkembangannya sehingga hari ini dan melihat cabaran kepada Pendidikan Islam pada masa depan.

### **Sejarah Ringkas Kemunculan Dualisme Pendidikan**

Sistem pendidikan Agama<sup>1</sup> wujud pada mulanya dalam bentuk sekolah al-Qur'an dan pondok sebelum kedatangan Inggeris di negara ini.<sup>2</sup> Sekolah al-Qur'an bermula serentak dengan berkembangnya Islam di Semenanjung Tanah Melayu pada kurun ke-empat belas.<sup>3</sup> Sekolah ini diperihalkan oleh Munshi Abdullah pada awal kurun ke-19 menerusi karyanya *Hikayat Abdullah* semasa Stamford Raffles melawat sekolah yang dikendalikan oleh Lebai Razak.<sup>4</sup> Pada sekolah al-Qur'an ini murid-murid Islam diajar membaca al-Qur'an dan asas-asas agama seperti sembahyang. Setelah mereka tamat membaca al-Qur'an, barulah mereka mempelajari Bahasa Melayu—tulisan dan nahunya dalam tulisan jawi. Institusi pondok wujud pada awal kurun ke-18 dan diasaskan oleh ulama yang mendapat pendidikan di Makkah. Pengaruh Makkah dalam perkembangan pendidikan di Tanah Melayu amat besar seperti yang ditegaskan oleh T.W. Arnold,

Sebilangan besar buku agama dicetak di Makkah dalam pelbagai bahasa yang digunakan oleh orang Melayu Islam dan disebarkan ke seluruh Kepulauan (Melayu). Bahkan, Makkah boleh dikatakan mempunyai pengaruh yang lebih besar dalam kehidupan beragama di Kepulauan ini berbanding Turki, India atau Bukhara [terjemahan penulis].<sup>5</sup>

Penekanan pendidikan institusi pondok pada zaman itu, memanglah terbatas dari skop ilmunya tetapi bersesuaian dengan kontek kehidupan ketika itu. Ia memberi perhatian kepada ilmu syari'ah dan ilmu-ilmu alat seperti ilmu hisab asas sebagai alat untuk mendalami ilmu fara'id dan mu'amalah dan juga mantik yang sudah sebatian dengan ilmu usuluddin.

Sistem pendidikan sekular bermula dengan penjajahan negeri-negeri Selat—Pulau Pinang, Melaka dan Singapura—oleh pihak Inggeris. Sekolah jenis pertama didirikan oleh mubaligh Kristian yang sememangnya bertujuan untuk menarik penduduk peribumi memeluk agama Kristian. Malahan sekolah ini menggunakan kitab Injil yang telah diterjemahkan sebagai buku teks.<sup>6</sup> Tetapi sekolah jenis ini kebanyakannya terdapat di bandar sahaja. Sekolah jenis kedua didirikan oleh pemerintah Inggeris dan dinamakan Free Schools seperti Penang Free School. Kedua-dua jenis sekolah ini mempunyai pengantar Bahasa Inggeris dan kurang mendapat sambutan masyarakat Melayu kerana kedudukannya yang jauh dari desa dan kekhuatiran dari sudut ia boleh menggugat aqidah mereka sebagai pemeluk agama Islam. Untuk mengatasi masalah kurang golongan peribumi yang mendapat pendidikan, pihak Inggeris kemudian mendirikan sekolah vernakular Melayu di sisi sekolah Inggeris pada mulanya. Sekolah ini juga kurang mendapat sambutan dan akhirnya pihak Inggeris mengatur strategi dengan bersepakat membuka sekolah vernakular Melayu dari sekolah al-Qur'an yang akhirnya melihat pengajian agama dipinggirkan.<sup>7</sup> Walaubagaimana pun pendidikan vernakular Melayu ini adalah setakat sekolah rendah. Matlamat pendidikan pihak penjajah adalah memberi pendidikan liberal, sekular.<sup>8</sup> Pihak Inggeris memberi perhatian kepada kemahiran 3M—membaca, menulis dan mengira—di peringkat sekolah rendah. Di peringkat sekolah menengah, terdapat beberapa jurusan—sastera dan sains—sesuai dengan dasar utilitarian pihak pemerintah untuk melahirkan golongan yang boleh memberi khidmat kepada pembangunan ekonomi negara. Walaupun pada peringkat permulaannya, sekolah vernakular Melayu dan sekolah Inggeris kurang mendapat sambutan, usaha gigih pihak Inggeris menggalakkan orang Melayu mendapatkan pendidikan seperti mengenakan denda kepada ibu bapa yang tidak menghantar anak-anak ke sekolah dan membuka peluang pekerjaan seperti peon, polis dan sebagainya kepada mereka yang berkelulusan dari sekolah tersebut, akhirnya pada penghujung tahun 30'an golongan orang Melayu mula memberi perhatian kepada sekolah vernakular Melayu dan sekolah Inggeris.

Perkembangan kedua-dua sistem pendidikan agama dan Barat ini saling mempengaruhi satu sama lain. Cabaran dari pendidikan Barat yang sekular itu mula diberi perhatian oleh pendokong pendidik Islam menerusi gerakan Islah yang bermula di Timur Tengah dan dipelopori oleh Jamaluddin al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh. Sheikh Tahir Jalaluddin dan Sheikh Ahmad al-Hadi yang pernah menuntut di Timur Tengah membawa idea-idea Islah ini ke Tanah Melayu pada awal kurun kedua puluh. Mereka mempelopori penubuhan beberapa buah madrasah, iaitu suatu institusi pendidikan bercorak baru—lebih formal, teratur dengan kurikulum yang lebih luas—di Singapura, Melaka dan Pulau Pinang.

Mereka berjuang untuk menyedarkan kaum Muslimin di Tanah Melayu tentang pentingnya pendidikan bukan sahaja ilmu syari'ah tetapi juga ilmu moden melalui penerbitan majalah *al-Ikhwān* yang memuatkan terjemahan *al-Manar* dari Mesir dan penulisan makalah dalam akhbar *Neracha*. Hasil usaha mereka ini tertubuhlah madrasah seperti Madrasah al-Hadi di Melaka, Madrasah al-Masyhur di Pulau Pinang, dan Madrasah Muhammadiyah di Kelantan. Sumbangan golongan ini diakui oleh William R. Roff yang menyatakan,

Sebenarnya dalam bidang pendidikan berbentuk barulah kesan utama golongan Islah ini dapat di lihat dengan jelas iaitu dari sudut penubuhan sekolah agama yang lebih lengkap dan gigih berbanding sebelumnya dan dari sudut merangka suatu sistem pendidikan yang ideal dengan mengambil kira bukan sahaja ilmu Islam yang murni tetapi juga ilmu pengetahuan sekular dan moden.<sup>9</sup>

Justeru itu golongan ini juga bertanggungjawab mendorong umat Islam ketika itu mendekati ilmu dan berikutannya menghantar anak-anak mereka ke sekolah—madrasah mahupun sekolah vernakular. Pengajian madrasah mengalami zaman kegemilangannya selepas Perang Dunia Kedua kerana (a) kekurangan peluang anak-anak Melayu mendapat pendidikan menengah vernakular; (b) kesukaran anak-anak Melayu melanjutkan pelajaran menengah ke sekolah Inggeris dan (c) pendidikan agama tidak terdapat di sekolah tajaan Inggeris.

Bagaimanapun menjelang kemerdekaan dengan pelaksanaan Laporan Razak 1956 dan Rahman Talib 1961, iaitu tertubuhnya sekolah rendah dan menengah kebangsaan, dan wujudnya akta yang menjadikan pengajaran Agama Islam satu kewajipan bagi sekolah atau institusi pendidikan yang mempunyai sekurang-kurangnya 15 orang murid Islam (5 orang dalam Akta Pendidikan 1996 Seksyen 50(1)), masyarakat Islam mula memberi perhatian kepada sistem pendidikan kebangsaan dan pulangan ekonomi daripada pendidikan. Kesannya, sistem pendidikan agama mengalami sedikit kesurutan. Bagaimanapun kekencangan gelombang kebangkitan Islam pada penghujung tahun 70'an mengubah situasi sekali lagi bak ombak merubah pantai, dan kesannya, permintaan kepada pendidikan yang bersepadu meningkat dengan mendadak. Kini pendidikan agama Islam ditawarkan oleh pelbagai pihak iaitu: (a) Kementerian Pendidikan - Sekolah Rendah dan Menengah Kebangsaan, dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA); (a) Kerajaan Negeri - Sekolah Agama Negeri; (c) Pertubuhan seperti ABIM, JIM dan PAS, dan pihak swasta - Sekolah Rendah dan Menengah Islam; dan (d) Masyarakat tempatan dan orang perseorangan - Sekolah Agama Rakyat yang cuba diselaraskan oleh satu Lembaga iaitu, Lembaga Penasihat dan Penyelaras

Pendidikan Islam (LEPAI) yang ditubuhkan oleh Majlis Raja-Raja Melayu pada tahun 1984.

### **Titik Pertemuan antara Falsafah Kedua-dua Sistem**

Dualisme pendidikan ini melahirkan kesan yang buruk bagi golongan Muslimin dan ketenatan isu yang diperkatakan ini pernah digambarkan sebagai satu krisis dalam dunia Islam.<sup>10</sup> Sistem pendidikan sekular sememangnya berjaya melahirkan golongan profesional dalam semua bidang yang penting bagi pembangunan negara kecuali dalam bidang ilmu syari'ah. Bagaimanapun profesional ini tidak mantap dan kukuh dari segi aqidah dan faham agama kerana matlamatnya lebih kepada nilai utilitarian. Kesannya keteguhan akhlak golongan ini boleh dipersoalkan dari kelumrahan kes jenayah kolar putih yang berlaku pada tahun 70'an seperti kes skandal Bumiputra Malaysian Finance yang melibatkan satu bilion ringgit, kes Pan El dan sebagainya yang membuktikan kecacatan sistem tersebut. Ini diburukkan dengan peningkatan masalah penagihan dadah dan gejala sosial yang mula menular di kalangan remaja Muslim ketika itu. Pendidikan sekular hanya memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif, utiliti ilmu dan bersifat liberal dan pragmatis. Ia tidak mengambil berat terhadap perkembangan yang menyeluruh dan bersepadu yang mencakup aspek rohani, akhlak dan aqidah. Di satu pihak yang lain pula, pendidikan agama mempunyai kelemahan yang tersendiri—skop ilmu dan metodologi pendidikannya agak sempit. Ini melahirkan golongan yang memahami agama secara yang sempit pula dan tidak dapat menangani masalah semasa yang banyak berkaitan dengan perkembangan masyarakat kesan daripada pembangunan ekonomi, sains dan teknologi. Metodologi pembelajaran dan pengajaran pula banyak tertumpu kepada pendekatan penghafazan dan kurang membabitkan matlamat berfikir dan kognitif tinggi seperti analisis, sintesis dan penilaian bagi tujuan menyelesaikan masalah. Sistem pendidikan agama tertumpu kepada ilmu syari'ah dan tidak dapat melahirkan cendekiawan ekonomi, sains, atau ilmu aqliah yang juga merupakan bidang ilmu yang pernah diteroka dan dikuasai oleh sarjana Islam abad kesembilan dan sepuluh. Bahkan sekolah agama juga kurang mendedahkan pelajarnya kepada bakat kepemimpinan melalui aktiviti ko-kurikulum. Pendidikan jasmani juga diabaikan.

Ibu bapa Islam yang prihatin dengan pendidikan anak-anak menghadapi satu dilema yang sungguh besar. Mereka inginkan pendidikan moden dan di samping itu mereka inginkan anak-anak yang kukuh imannya, berakhlak mulia dan tahu tanggungjawabnya sebagai hamba dan khalifah Allah. Keprihatinan baru ini jelas dilihat daripada peningkatan permintaan 147.5 peratus terhadap pendidikan agama pada tahun 90'an berbanding tahun 80'an (lihat jadual 1). Justeru itu, pendidik

dan penggubal dasar pendidikan negara, bertanggungjawab untuk mengakhiri dualisme pendidikan seperti yang disarankan oleh sarjana Islam dalam Persidangan Sedunia Pertama Mengenai Pendidikan Islam dan juga sarjana Islam Melayu di Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan 1995. Iklim pendidikan negara masa kini yang merangka dasar-dasar pendidikan yang liberal dan berani perlu dimanfaatkan, ditambah dengan reformasi pendidikan yang berlaku pada akhir tahun 70'an dan 80'an.

Jadual 1

Taburan Sekolah dan Murid dalam Sekolah Menengah Agama 1986 dan 1994

Jenis Sekolah	Bil. Sekolah		% Ubah	Bil. Murid		% Ubah
	1986	1994		1986	1994	
SMKA	27	46	+70.3	13,310	25,418	90.9
Negeri	112	101	-9.8	46,964	63,403	35.0
Rakyat	172	195	+13.4	44,500	65,672	47.6
Jumlah	311	342	+9.9	104,774	259,267	147.5

Sumber: Unit Pemodenan dan Perancangan Tadbiran Malaysia, *Laporan Kajian Organisasi LEPAI* (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1988) dan Hussein Hj Ahmad, 'Maudhuk: Pendidikan Islam dalam Era Pembangunan Semasa, *Kongres Pendidikan Islam Kebangsaan* 20 -22 Januari 1995, Johor Bahru, hal. 15.

Tiga perkara penting dalam sejarah pendidikan negara yang boleh membantu ke arah penyatuan dualisme pendidikan ini ialah Laporan Kabinet 1979, penyuratan Falsafah Pendidikan Negara (FPN) pada tahun 1987 dan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1989. Laporan Kabinet dan FPN menggariskan beberapa perkara yang telah dijadikan landasan dalam penggubalan KBSM. Antaranya, Laporan ini: (a) menekankan kepentingan pendidikan akhlak dan agama sebagai matlamat pendidikan di samping kepentingan pendidikan untuk pembangunan ekonomi negara, (b) menggesa ditangguhkan pengkhususan dalam sesuatu bidang pengajian dan (c) menekankan keperluan memanjangkan tempoh pendidikan umum dari 9 ke 11 tahun. Perubahan ini juga dapat dikesan dalam penulisan Rancangan Malaysia ke Enam<sup>11</sup> dan berikutnya. Buku Rancangan Malaysia itu menekankan kepentingan akhlak dan agama dalam pembangunan negara dalam acuan sendiri bersesuaian dengan Wawasan 2020, yang merupakan Falsafah Pembangunan Negara yang diilhamkan oleh Perdana Menteri pada tahun 1990.



Usaha untuk menolak fahaman sekularisma dari pendidikan kebangsaan telah bermula dengan Laporan Razak dan penolakan yang total berlaku apabila FPN yang menekankan perkembangan pendidikan dari segi individu dan masyarakat berasaskan kepatuhan kepada Tuhan, disuratkan. Peranan Laporan Razak yang dikukuhkan oleh Laporan Rahman Talib merupakan usaha di kulit sahaja kerana pendidikan agama dan akhlak masih tidak merentasi kurikulum. Agama diperkenalkan sebagai satu mata pelajaran dan justeru itu pengotakan ilmu berlaku. Bagaimanapun ini berbeza dengan Falsafah Pendidikan Negara. Walaupun FPN tidak menggunakan kalimah yang lazim terdapat dalam penyuratan Falsafah Pendidikan Islam seperti 'abd' dan 'khalifatullah di bumi', ia tetap mendokong ruh Pendidikan Islam. Kenyataan ini dibuat berdasarkan beberapa unsur — keseimbangan, kesepaduan, akhlak mulia, berilmu, berketrampilan dan ketaatan kepada tuhan, mensejahterakan diri dan masyarakat.

Pertama, FPN menolak fahaman sekular dan sebaliknya inginkan pendidikan berasaskan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Ini bererti pendidikan negara sewajarnya dapat meneguhkan kepercayaan dan kepatuhan pelajar kepada Yang Maha Pencipta. Perkataan Tuhan ini mempunyai hikmahnya tersendiri dalam konteks masyarakat majmuk agama. Bagi orang Islam tidak ada Tuhan melainkan Allah. Justeru itu sistem pendidikan negara sewajarnya dapat melahirkan insan yang beraqidah dengan ketauhidan Allah. Tafsiran mengenai Tuhan boleh berbeza misalnya Brahma bagi Hindu, konsep Dhamma bagi Buddha dan Jesus bagi Kristian. Jelasnya FPN memberi keutamaan kepada pendidikan berteraskan agama. Setiap agama pula menekankan kepentingan akhlak yang mulia sebagai buah kepercayaan walaupun dilahirkan daripada pandangan alam (*weltanschauung*) yang berbeza.

Kedua, FPN menekankan kepentingan pendidikan mengembangkan semua potensi individu—rohani, jasmani, intelek dan emosi—secara seimbang dan menyeluruh dan inilah juga yang dituntut oleh falsafah pendidikan Islam seperti yang diutarakan dalam Persidangan Sedunia Pertama Mengenai Pendidikan Islam.<sup>12</sup> Pernyataan ini menjamin pendidikan negara tidak akan mengabaikan perkembangan rohaniah dan akhlak seperti yang pernah berlaku semasa zaman penjajahan dan peringkat awal kemerdekaan. Ketiga, FPN menekankan usaha ke arah melahirkan insan, khususnya rakyat Malaysia yang memiliki ciri-ciri berilmu, berketrampilan, berakhlak mulia, berbakti untuk diri sendiri dan membawa kesejahteraan kepada masyarakat. Ciri-ciri ini memang juga menjadi hasrat falsafah pendidikan Islam dalam usaha melahirkan insan yang sempurna. Pembentukan akhlak yang mulia adalah satu daripada tujuan utama risalah yang didokong oleh

Rasulullah s.a.w. seperti yang diungkapkan dalam sepotong hadithnya, yang bermaksud: “Tidak aku diutuskan melainkan untuk menyempurnakan akhlak”. Jika dianalisis dengan mendalam memang terdapat ruh pengabdian diri kepada Allah sebagai hamba dan khalifahNya bagi golongan Muslim dan ini diperkukuhkan lagi dalam falsafah mata pelajaran pendidikan Islam yang sememangnya khusus untuk orang Islam. FPN dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) semakin hampir bertemu pada satu titik persamaan.

Pengotakan atau pemetakan ilmu yang berlaku dalam sistem pendidikan khususnya pemisahan nilai agama mahu pun nilai murni dari sebarang disiplin ilmu, kini ditangani oleh KBSM walaupun pada tahap pelaksanaan yang belum boleh dibanggakan sebab ilmu yang terkandung dalam buku teks yang diguna masih belum disepadukan. Pokoknya, dasar untuk pelaksanaan sudah tersurat. Kurikulum Pendidikan Islam telah diubah untuk lebih berpusatkan pelajar dan memberi penekanan kepada amali dan penghayatan dan bukan sekadar himpunan maklumat. Ia juga sudah diperluaskan untuk merangkumi tamadun Islam dan bukan sahaja tertumpu kepada ibadat dan aqidah. KBSM menerusi agenda “nilai murni merentasi kurikulum,” berpotensi untuk menghapuskan pengotakan tersebut dan memulakan proses penyepaduan ilmu dan agama yang merangkumi nilai-nilai murni. Penyepaduan ilmu dan agama bukannya asing dalam sejarah pendidikan semua tamadun besar seperti Islam, Kristian, Yahudi, Cina dan Hindu. Bahkan satu fungsi utama pendidikan ialah pemindahan nilai-nilai agama, ilmu dan kebudayaan sesuatu tamadun dari satu generasi ke generasi yang akan datang. Keakraban agama dan pendidikan masih kelihatan bukti-buktinya pada Jami’ah al-Azhar, Jami’ah Zaytuniah, University of Cambridge, University of Paris, Oxford University, Harvard University dan Princeton University. KBSM memberi ruang untuk penyepaduan ilmu dan agama menerusi penyerapan nilai-nilai murni yang berasaskan agama-agama rakyat Malaysia. Justeru itu dari sudut falsafahnya, sudah ada titik pertemuan antara FPN dan FPI yang boleh dijadikan landasan untuk penyatuan kedua-dua sistem pendidikan kebangsaan dan agama.

### **Titik Pertemuan antara Kurikulum Pendidikan Kebangsaan dan Agama**

Keprihatinan Kementerian Pendidikan terhadap sistem pendidikan agama dan kelemahannya telah bermula sejak di awal tahun 70an. Hasilnya, pada tahun 1977 terbentuklah sistem pendidikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) yang bertujuan melahirkan golongan profesional Islam dalam pelbagai bidang utama seperti kejuruteraan, perubatan, sains dan teknologi, dan yang kukuh iman, selain daripada melahirkan golongan ulama yang mendalami ilmu-ilmu syari’ah. SMKA kini mencapai matlamatnya dengan lebih kurang 10 peratus pelajarnya

yang mendalami bidang ilmu syari'ah.<sup>13</sup> Ini bermakna bahawa sistem pendidikan kebangsaan masih perlu bergantung kepada lepasan sekolah agama negeri dan rakyat untuk keperluan guru agama sepenuhnya. Kepopularan SMKA makin nyata sekali disebabkan konsep kesepaduan ilmunya. Bilangan sekolah jenis ini telah meningkat dari 11 pada tahun 1977 kepada 55 pada tahun 1998, termasuk tiga bertaraf sekolah berasrama penuh. Semenjak reformasi pendidikan menerusi KBSM, Kurikulum SMKA pula tidak jauh berbeza dari kurikulum sekolah menengah kebangsaan. Perbezaannya secara kasar terletak dalam (a) pengajaran Bahasa Arab Komunikasi yang wajib dari tingkatan satu hingga lima dan Bahasa Arab Tinggi untuk mereka yang berhasrat mendalami jurusan pengajian Islam, (b) menawarkan jurusan 'ulum syari'ah selain daripada jurusan sastera atau sains; dan (c) mengadakan aktiviti-aktiviti persekolahan termasuk kegiatan ko-kurikulum. Bagaimana pun kemasukan pelajar ke SMKA berbeza daripada sekolah agama lain kerana pelajar yang mempunyai keputusan UPSR yang cemerlang sahaja diterima.

Semenjak Laporan Kabinet 1979, Kementerian Pendidikan telah merangka pelbagai perubahan sebagai usaha reformasi pendidikan. Kesungguhan untuk mengutamakan pendidikan akhlak dan moral dibuktikan dengan pengenalannya menerusi KBSR dan juga KBSM. Penyerapan nilai-nilai murni merentas kurikulum dijadikan satu agenda penting dalam KBSM. Selain daripada itu untuk memberi lebih banyak peluang bagi pelajar dari sekolah menengah kebangsaan mengambil jurusan pengajian Islam, Kementerian Pendidikan telah pun mengenalkan program Elektif Pengajian Islam dalam KBSM dan program Kelas Aliran Arab untuk memenuhi keperluan elektif tersebut di beberapa buah sekolah menengah umum. Kurikulum matapelajaran pendidikan Islam juga telah diubahsuai sesuai dengan keperluan semasa seperti memberi penekanan kepada amali di samping penyampaian ilmu; kepada pemahaman dalam pembacaan al-Qur'an; mengambil iktibar dari sejarah ulama dan sarjana silam seperti Imam ash-Shafie, al-Ghazzali dan Iqbal; dan mendedahkan kepada kaedah pembelajaran yang berpusatkan pelajar dan bukan lagi berpusatkan subjek di sekolah menengah. Di sekolah rendah pula, pelajar diperkenalkan kepada sistem terus membaca al-Qur'an dan penekanan kepada fardhu 'ain yang dinilai melalui PAFA.

Dari sudut sekolah agama rakyat pula, memang terdapat pelbagai sukatan pelajaran yang digunakan sehingga tertubuhnya LEPAI untuk menyeragamkannya. Meneliti kurikulum LEPAI yang pernah dirangka, kita dapati banyak persamaannya dengan kurikulum jurusan pengajian Islam di SMKA.<sup>14</sup> Perbezaannya, Kurikulum LEPAI lebih mantap dari segi penguasaan Bahasa Arab dan Pendidikan Islam.

LEPAI juga berhasrat melihat perubahan dalam kurikulum sekolah agama. Ia ingin agar skop pendidikan sekolah agama diperluaskan supaya meliputi ilmu aqli yang penting. Walau pun LEPAI menyatakan hasratnya untuk melahirkan lebih ramai cendekiawan Islam dalam pelbagai bidang, kita dapati kurikulumnya masih cenderung untuk melahirkan ulama dan pendakwah sahaja. Kita dapati jika ini berterusan, LEPAI akan mengukuhkan dualisme pendidikan di negara ini dan juga menyempitkan pengertian pendidikan Islam kepada ilmu syari'ah sahaja. Ilmu aqli yang ditawarkan cuma diajar kerana ilmu alat ataupun kerana kepentingan sedikit asas pengetahuan sains dalam kehidupan semasa dan bukan sebagai memenuhi tuntutan melahirkan ulama dalam bidang ilmu fardhu kifayah. LEPAI juga menghadapi masalah dari segi pelaksanaan kerana ia tidak mempunyai kuasa undang-undang untuk memastikan semua sekolah rakyat mengikuti kurikulumnya. Masih ada sekolah rakyat yang tidak sealign dengan LEPAI dan juga Kementerian Pendidikan kerana merasakan bahawa kurikulumnya agak cair bagi membolehkan pelajarannya melanjutkan pelajaran ke universiti di Timor Tengah.

### **Menangani Dualisme Pendidikan Menerusi Perubahan Kandungan Kurikulum**

Masalah dualisme pendidikan boleh diatasi menerusi anjakan paradigma terhadap kurikulum pendidikan dan konsep ilmu. Fungsi utama sekolah agama rakyat selain daripada memberi pendidikan berdasarkan falsafah pendidikan Islam, ialah menyediakan prasarana ke arah melahirkan ulama dan cendekiawan agama di peringkat pengajian tinggi. Untuk tujuan tersebut dan kerana tradisi sejarah, pelajar ini disalurkan untuk pengkhususan di institusi ulung di Timur Tengah, khususnya Universiti al-Azhar. Alat penting untuk pengkhususan dalam bidang ilmu naqli ini adalah bahasa Arab. Justeru itu kajian ke atas sekolah menengah agama rakyat menunjukkan bahawa kurikulum mereka menawarkan masa untuk pengajaran bahasa Arab dan ilmu syari'ah kepada pengajaran matapelajaran lain (ilmu aqli) dalam nisbah lebih kurang 60:40 sementara kurikulum yang dicadangkan oleh LEPAI dalam nisbah 50:50 dan oleh SMKA dalam nisbah 30:70. Perhatikan perbezaan yang ketara ini dan sebagai satu usaha ke arah penyatuan dalam bentuk kurikulum, adalah dicadangkan supaya Bahasa Arab diajar mulai dari tahap dua sekolah rendah sebagai bahasa asing kedua supaya dengan kemantapan bahasa itu di peringkat rendah, bilangan masa yang diperuntukkan baginya di sekolah menengah tidak perlu begitu padat seperti sekarang ini tetapi cukup bagi keperluan mereka yang ingin mengkhusus dalam pengajian Islam dan bahasa Arab di peringkat menengah atas menggunakannya dengan cekap. Pengajaran bahasa Arab juga akan lebih bermakna bagi pelajar ini yang diasuh sejak Tahun satu membaca al-Qur'an. Jawi mudah dikuasai apabila murid boleh membaca al-Qur'an. Ramai

generasi dulu yang diajar jawi selepas mempelajari al-Qur'an sepertimana yang diriwayatkan oleh Munshi Abdullah pada zamannya.

Kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah perlu dikemaskinikan lagi untuk mengelakkan kandungan yang tidak sesuai dengan tahap pelajar kerana terlalu tinggi seperti pembelajaran tajwid yang kini ditekankan secara tersurat dan ulangan-ulangan kandungan dari satu tahun ke satu tahun yang tidak perlu. Kajian perlu dibuat ke atas kurikulum sekolah rakyat yang kadang-kala didapati terlalu tinggi dan tidak sesuai dengan tahap murid. Perkara-perkara yang dianggap perlu dan sesuai dari Kelas Fardhu 'Ain (KAFA) hendaklah dimasukkan ke dalam kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah supaya tidak perlu lagi diwujudkan sekolah agama tambahan sama ada pada waktu pagi mahu pun petang melainkan dengan tujuan untuk memantapkan bacaan atau hafazan al-Qur'an dan amali ibadat salat. Terlalu banyak ulangan perkara yang sama akan membosankan pelajar. Pada pandangan penulis kurikulum pendidikan Islam sekolah rendah kini, selain daripada kelemahan di atas, adalah lebih baik berbanding sebelumnya. Apa yang perlu ditekankan kini adalah pengenalan bahasa Arab sebagai bahasa alat seperti juga bahasa Inggeris pada Tahap Dua.

Kurikulum pendidikan Islam sekolah menengah juga telah melalui beberapa kali perubahan dan yang terakhir akan dilaksanakan pada tahun 2003. Perubahan yang ketara adalah penekanan kepada perubahan perlakuan moral dan akhlak dan bukan sekadar pengetahuan nilai dan agama. Seperti yang telah dirancang dalam KBSM, tumpuan kepada pembelajaran berlandaskan pengalaman dan minat pelajar akan diutamakan. Justeru itu, penghayatan melalui aktiviti dan projek pelajar, dan pempukuan kemahiran lebih diutamakan daripada bacaan atau penghadaman maklumat.

Dewasa ini persamaan kurikulum SMKA dan sekolah agama kelolaan negeri, rakyat dan swasta amat ketara sekali. Umpamanya pada penghujung tahun 1990an, kurikulum Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang telah menyerapkan kurikulum Ma'ahad Al-Azhar lil Buuth al-Islamiyyah bagi membolehkan lulusan STPM berkecukupan untuk memasuki Universiti al-Azhar atau universiti lain di Timur Tengah. Pada waktu yang sama, kurikulum Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang berdaftar di bawah kerajaan negeri dan Sekolah Agama Swasta (SAS) semuanya mula menerapkan kurikulum pendidikan kebangsaan. SAN dan SAR juga menerapkan kurikulum Ma'ahad Al-Azhar lil Buuth al-Islamiyyah di samping kurikulum kebangsaan. SMKA masih mempunyai kelebihan sebab pada awal milenium baru ini ia telah memperkenalkan tiga pakej aliran pengajian, iaitu: (a) aliran pengajian Islam dan sastera; (b) aliran pengajian

Islam dan sains; dan (c) aliran pengajian Islam dan teknikal. SMKA berhasrat melahirkan lepasan pengajian Islam -sastera dan lepasan pengajian Islam - sains/teknikal dalam nisbah 50: 50. Sekolah agama kelolaan rakyat, negeri dan swasta cuma mampu memperkenalkan aliran pengajian Islam dan sastera. Ini bermakna bahawa pelajar SMKA mempunyai peluang yang lebih luas untuk melanjutkan pengajian di peringkat tinggi berbanding pelajar daripada sekolah agama yang lain tetapi pada harga yang tinggi, iaitu terpaksa menambah bilangan subjek untuk peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) daripada mungkin sembilan kepada dua-belas atau lebih. Senario ini seolah-olah satu pengunduran ke belakang sebab bebanan begini pernah dipikul oleh pelajar sekolah agama pada tahun 1970an yang mana mereka terpaksa mengambil kedua-dua subjek untuk Sijil Menengah Ugama dan SPM, dan pernah dibangkitkan oleh cendekiawan Islam seperti Prof. Harun Din, yang bersimpati dengan masalah ini.<sup>15</sup>

Dalam usaha untuk menyeragamkan kurikulum semua sekolah agama dan meningkatkan kualiti lepasan sekolah itu, Kementerian Pendidikan telah mewajibkan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi menggantikan Sijil Tinggi Ugama (STU atau STA) di peringkat akhir persekolahan bagi pelajar yang mengkhusus dalam aliran pengajian Islam pada tahun 2000. Peperiksaan STAM dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama pihak al-Azhar Al-Sharif.

\* Berhubung dengan penyatuan pada tahap kurikulum, adalah dicadangkan supaya sekolah berkonsepkan SMKA dengan sedikit perubahan kurikulum bahasa Arab bermula dari sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah diperluaskan ke semua sekolah agama dan kebangsaan. Perkara ini sedang pun dilakukan menerusi pewujudan Kelas Aliran Arab (298 buah sekolah pada tahun 1998 berbanding 192 pada tahun 1995) di sekolah menengah dan elektif Pengajian Islam di peringkat menengah atas. Usaha hendaklah juga dibuat dengan institusi pengajian di Timur Tengah untuk melihat keperluan kurikulum supaya pelajar lulusan SMKA boleh terus belajar di sana tanpa menghadapi masalah bahasa Arab lagi. Dalam konteks ini, langkah mewujudkan dan mewajibkan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) adalah satu langkah yang bijak. Begitu juga usaha mengadakan program kembar dengan universiti yang bermutu di Timur Tengah adalah satu jalan untuk meningkatkan lagi peluang dan mutu cendekiawan agama di negara kita. Untuk tujuan melahirkan ulama' pengajian Islam yang berkaliber insentif seperti biasiswa bagi peratus kecil pelajar cemerlang untuk melanjutkan pengajian ke luar negara hendaklah wujudkan sebagaimana insentif ditawarkan kepada pelajar yang menjurus dalam bidang sains dan teknologi.

Satu rintangan praktikal ke arah penghapusan dualisme sistem pendidikan ini ialah peruntukan Perlembagaan negara yang menentukan bahawa pendidikan adalah di bawah pentadbiran Persekutuan dan agama adalah di bawah kuasa Negeri. Pendidikan agama Islam terletak dalam persilangan kedua-dua kuasa ini. Penyatuan kedua-dua sistem ini boleh berlaku cuma dengan pindaan Perlembagaan yang meletakkan tanggungjawab mengenai pendidikan Islam di bawah senarai bersama. Penggesaan ke arah pindaan ini sudah pun dijadikan satu resolusi dalam Kongres Kebangsaan Pendidikan Islam di Johor Bahru pada tahun 1995 tetapi sehingga hari ini masalah ini masih belum selesai. Peruntukan Perlembagaan ini menyulitkan kerajaan Persekutuan mentadbir semua sekolah agama rakyat dan negeri demi kepentingan umat kerana tidak mempunyai kuasa. Permasalahan umat Islam kerana masalah kuasa kerajaan Negeri dan Persekutuan bukan hanya terhad kepada pendidikan bahkan kepada Undang-undang Keluarga Islam.

### **Mencapai Kesepaduan Ilmu di Institusi Pengajian Tinggi**

Walaupun terdapat titik pertemuan pada tahap falsafah dan juga kurikulum, namun ia masih belum dapat menepati maksud penyatuan yang hakiki. Penyatuan yang hakiki perlu pada tahap teoretikal, iaitu pada tahap metafizik dan epistemologi. Ilmu yang diajar keseluruhannya mesti menjelmakan penyepaduan ilmu dan nilai-nilai yang diasaskan kepada pandangan alam agama. Ilmu perlu diajar supaya menjurus kepada pengenalan kepada Pencipta dan pengabdian kepadaNya sehingga usaha mencari ilmu difahami sebagai satu ibadat. Ilmu juga perlu dilihat dari skop yang lebih luas, merangkumi ilmu aqli (yang diperolehi) dan naqli (dari wahyu). Perkara ini lebih mudah diterima oleh masyarakat timur yang masih berpegang kepada agama daripada masyarakat Barat yang sudahpun menolak agama seperti yang dilafazkan oleh Nietzsche, "*God is dead*" dalam karyanya *Thus Spake Zarathustra*. Justeru itu buku teks yang ditulis perlu menghidupkan ruh kesatuan ini dan begitu juga para guru dalam pengajaran mereka.

Usaha menundukkan ilmu kepada fungsinya yang sebenar dalam konteks mengenali dan mengiktiraf Pencipta di samping membimbing insan untuk memainkan peranan selaku Khalifah Allah dan hambaNya yang punyai kesepaduan intelek dan moral, harus lebih-lebih lagi dipanjangkan kepada institusi pengajian tinggi (IPT) yang berfungsi menyelidik, menjana dan menyebarkan ilmu. Ilmu yang dijana dan disebarkan di IPT banyak mempengaruhi ilmu yang diajar di peringkat sekolah. Sekiranya usaha menyepadukan ilmu itu telah berlaku di IPT, maka proses penyepaduan ilmu di sekolah akan lebih mudah. Usaha penyepaduan ilmu di IPT adalah tanggungjawab sarjananya. Proses penyepaduan ilmu ini wajar dimulakan di IPT bertepatan dengan natijah daripada FPN yang menaungi segala

bentuk pendidikan formal dalam negara. Jika ini tidak dilakukan, maka eloklah dibuang sahaja huruf N dari FPN. Lagi pula, jika penyepaduan ilmu telah berlaku di IPT, maka graduannya yang bakal mendidik di sekolah akan lebih faham falsafah, dasar dan konsep pendidikan ini bagi membolehkan proses penyepaduan ilmu dan akhlak berjalan dengan licin.

### **Masalah Kesempitan Skop Kurikulum Sekolah Menengah Agama Rakyat**

Satu kajian yang dijalankan ke atas kedudukan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) pada tahun 1997 mendapati bahawa terdapat 192 buah SMAR di seluruh negara dengan enrolmen pelajar berjumlah 72,324 orang murid dan 3,570 orang guru. Hanya sebilangan kecil daripada sekolah ini yang mendaftar dengan kedua-dua agensi iaitu Kementerian Pendidikan dan Kerajaan Negeri, walaupun semuanya berdaftar dengan Jabatan Agama Islam negeri masing-masing. Keadaan SMAR ini berbeza-beza dan di antara masalah yang sering dihadapi ialah (a) kelemahan pentadbiran, (b) kekurangan guru terlatih, (c) gaji guru yang rendah, (d) kekurangan sumber kewangan, (e) mutu pendidikan yang rendah, (f) kurikulum yang pelbagai, dan (g) sistem penilaian dan peperiksaan yang berbeza-beza.<sup>16</sup> Kemudahan fizikal amat mendukacitakan: 25 peratus tidak mempunyai perpustakaan, 91.8 peratus tidak mempunyai makmal sains dan 68 peratus tidak mempunyai padang permainan. Sekolah ini pernah ditawarkan menjadi sekolah bantuan kerajaan supaya membolehkan ia menerima bantuan kewangan penuh dari segi gaji pengetua dan guru serta bantuan gran per kapita. Di samping itu dengan status bantuan penuh melayakkan sekolah-sekolah ini menerima penempatan guru terlatih oleh Kementerian Pendidikan (KP), memperoleh bantuan buku teks dan penilaian dan pensijilan yang selaras. Syarat lain yang perlu dipatuhi ialah perlantikan pengetua oleh Kementerian Pendidikan, menggunakan kurikulum yang sama dan selaras dengan KP dan tapak sekolah ditukar hakmilik dan diserahkan kepada Kerajaan atau KP walaupun Lembaga Pengurus sekolah masih lagi dikekalkan. Bagaimanapun tawaran ini telah ditolak mereka yang mempunyai autoriti ke atas sekolah ini walaupun 94 % daripada 490 guru, dan 85.7 % daripada pengetua (bilangan sampel tidak dimaklumi) yang ditinjau menyokong cadangan KP ini.

Berdasarkan hasil kajian ini, beberapa perkara perlu ditimbulkan. Pertama, adakah pihak SMAR memberi keutamaan kepada kebajikan pelajar yang diasuhnya memandangkan kekurangan-kekurangan yang mereka miliki atau adakah isu yang terlibat lebih berupa permainan sentimen. Kita menimbulkan hal ini sebab umat Islam sendiri boleh membuat perbandingan di kalangan lepasan sekolah SMAR dengan SMKA dari segi kualiti, infrastruktur, kaliber dan pemikiran. Umat Islam perlu lebih serius dalam menangani kesan daripada dualisme pendidikan yang



telah lama menapak dalam masyarakat. Autoriti SMAR harus memikirkan dengan jelas misi perjuangan mereka pada era globalisasi yang lebih mencabar ini. Kita tidak mahu pisang berbuah dua kali. Kita perlu sedar akan kesan dari perlakuan penjajah Inggeris kepada umat Islam pada awal kurun kedua-puluh sehingga umat Islam tercicir dalam bidang pendidikan kerana tidak mendapat peluang belajar di sekolah Inggeris walaupun di minta oleh ibu bapa Melayu setelah menyedari nilai pelajaran Inggeris itu.<sup>17</sup> Pada waktu itu, penghalang pertama kepada penuntutan ilmu itu adalah kesempitan fahaman umat yang takut ke sekolah yang didirikan oleh pihak misi Kristian dan pemerintah British kerana berfikir bahawa golongan ini akan mengkristiankan mereka, dan penghambat kedua ialah pihak Inggeris. Mungkin kali ini yang akan menghambat umat Islam adalah umat Islam jua kerana mementingkan politik dan mempunyai prasangka dan prejudis yang begitu dalam terhadap pemerintah lebih daripada kebajikan anak-anak untuk menghadapi cabaran zaman mereka. Memandangkan pelbagai kelemahan yang dihadapi oleh SMAR, kerajaan haruslah mewujudkan satu institusi atau badan untuk memantau kelulusan pembinaan SMAR yang baru supaya masalah dualisme dan kesannya dapat terus dibendung. Kita kata demikian sebab jelas sekali daripada statistik kekurangan makmal sains, pelajar SMAR akan kurang memberi perhatian kepada pemikiran dan kegunaan sains. Bermakna jurusan yang akan mendapat penekanan adalah jurusan sastera dan agama, dan ini akan mengekalkan dualisme yang mencengkam umat Islam.

Walaupun kita merasa gembira melihat komitmen umat Islam yang kuat kepada agama sebagaimana dimanifestasikan dengan usaha menubuhkan sekolah-sekolah agama peringkat rendah, tetapi waktu yang sama kita juga bimbang dengan perkembangan ini sebab penubuhan sekolah-sekolah ini dilaksanakan tanpa memikirkan perancangan jangka panjang. Kita fikir dana yang kecil-kecilan ini tidak akan mencukupi untuk menghasilkan sekolah yang berkesan dan kita kluatir bahawa pelajar sekolah kelak akan menjadi mangsa kepada keketekan perancangan ini. Lebih baiklah dana yang ada itu dikumpulkan untuk menjadi lebih besar dan dapat menampung sekolah swasta yang lebih hebat dan terurus daripada yang dibina oleh kerajaan. Untuk era generasi akan datang, tidak cukup sekadar menubuhkan sekolah sebagai amal jariah pengasas tetapi perlu difikirkan pengisiannya yang dapat mengatasi cabaran yang pelajar mereka akan lalui. Ilmu agama dan sastera sahaja belum mencukupi. Justeru itu kelulusan sekolah seperti ini hendaklah diberi sekiranya pengasas mempunyai bukti bahawa ia boleh menampung perbelanjaan untuk mewujudkan juga sekurang-kurangnya aliran sains di samping aliran agama dan sastera. Kita harap dalam kontek ini, KP akan memberi keutamaan kepada kebajikan pelajar dan umat Islam amnya dan bukan mempolitikkan pendidikan yang lazim sangat berlaku di negara ini. Mungkin

dengan kejujuran yang ditunjukkan dapatlah meyakinkan pihak berkenaan keperluan SMAR menjadi sekolah bantuan penuh.

Usaha-usaha KP menyepadukan kurikulum dan meningkatkan pelajaran pendidikan Islam di semua peringkat persekolahan perlu dimaklumkan kepada umum supaya kefahaman mereka terhadap pendidikan Islam tidak sempit. Bukankah kewujudan surau di sekolah-sekolah kebangsaan hari ini dan peruntukan baginya untuk sekolah yang akan dibina menjadi satu bukti tentang usaha mensepadukan ilmu duniawi dan ukhrawi dalam sistem pendidikan kebangsaan? Ini diikuti pula dengan program-program ibadah di sekolah. Kita fikir ruang untuk penghayatan agama memang wujud di sekolah kebangsaan, namun kita tidak boleh harapkan sekolah untuk mengambil alih sepenuhnya tugas ibu bapa mendidik anak. Masalah disiplin dan gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat hari ini tidak boleh dipersalahkan pihak sekolah sahaja sebab ada banyak faktor penyebab yang lain, khususnya kelonggaran sistem kekeluargaan.

### **Cabaran Masa Depan Pelajar Aliran Pengajian Agama**

Sistem pendidikan agama sedang berhadapan dengan beberapa cabaran dalam alaf baru ini. Pertama, pelajar lepasan sistem pendidikan agama yang mengkhusus kepada pengajian Islam kini menghadapi masalah untuk memasuki institusi pengajian tinggi (IPT). Masalah yang mereka hadapi terbahagi kepada tiga: (1) tempat yang terhad, (2) kurangnya bidang pengajian Islam dan bidang-bidang yang bersangkutan di IPT; dan (3) mata pelajaran Bahasa Arab, Syari'ah dan Usuluddin yang mereka ambil di peringkat STPM tidak diiktiraf oleh IPT untuk memasuki bidang-bidang lain selain daripada Pengajian Islam dan bersangkutan dengannya.

Keterbatasan tempat di IPT dapat disimpulkan dari statistik berikut: Pada sidang akademik 1998/99, hanya 1381 (11.3%) tempat terdapat daripada 12 IPT bagi 12,121 calon yang lulus STPM aliran agama, dan pada sidang 1999/2000 hanya terdapat 1488 tempat.<sup>18</sup> Institusi yang menawarkan tempat pada pelajar lulusan aliran agama di peringkat tinggi terbatas kepada Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Mereka tidak dapat memasuki bidang lain kerana subjek yang mereka ambil tidak diiktiraf sebagai kelayakan bidang-bidang tersebut. Ini bermakna bakinya tidak dapat melanjutkan pengajian ke IPT walaupun keputusan mereka mungkin lebih baik daripada pelajar aliran bukan agama. Justeru itu, masa depan pelajar ini dari sudut kerjaya profesional amat membimbangkan. Memandangkan masalah ini, kita dapat memahami kenapa Kementerian Pendidikan telah mula menggabungkan aliran agama di SMKA dengan aliran sains, ekonomi dan teknikal. Selain daripada ingin

mencapai kesepaduan ilmu, ia juga bertujuan untuk menjamin supaya pelajar dari sekolah agama masih boleh melanjutkan pengajian di peringkat tinggi dalam bidang pengajian ilmu aqli dan kemahiran. Bila difikirkan masalah ini kita dapat memahami kenapa Kolej Universiti Islam Malaysia akhirnya ditubuhkan pada tahun 2000. Sebenarnya penubuhan KUIM adalah sebagai menunaikan janji Kementerian Pendidikan ketika menyerapkan Kolej Islam Malaya sebagai Fakulti Pengajian Islam UKM pada tahun 1970 bahawa itu adalah langkah permulaan untuk mendirikan Universiti Islam bersendirian.<sup>19</sup> Dengan tertubuhnya KUIM, lebih banyak tempat dapat disediakan untuk pelajar aliran agama di IPT.

Cabaran kedua yang dihadapi oleh sistem pengajian Islam berkaitan dengan permasalahan perpaduan negara dalam sebuah masyarakat majmuk bangsa dan agama. Di satu peringkat kita dapati kerajaan tidak lagi memberi bantuan kepada Sekolah Menengah Cina Bebas (Independent) dan cuma membantu sekolah bantuan kerajaan (Conforming schools). Tujuannya ialah untuk menggalakkan semua masyarakat Malaysia mengikut sistem pendidikan kebangsaan supaya pelajar dapat disosialisasikan dengan nilai masyarakat Malaysia, dapat berinteraksi dengan kaum lain dan secara tidak langsung dapat memupuk persefahaman antara kaum yang boleh membawa kepada perpaduan negara. Dalam konteks sekolah agama, kita dapati ia memanglah eksklusif kepada satu agama dan dalam konteks Malaysia, satu kaum. Pada jangka panjang, mungkin perkembangan ini tidak lagi sesuai. Kementerian Pendidikan telah berjaya melahirkan sistem SMKA yang lebih berkualiti daripada sekolah agama kelolaan agensi lain. Ini bermakna sekolah agama boleh diterapkan dalam sistem kebangsaan. Usaha mewujudkan SMKA dan elektif pengajian Islam di sekolah menengah kebangsaan umum juga menunjukkan bahawa pelajar aliran elektif pengajian Islam boleh dibentuk dalam sekolah umum tanpa pengasingan. Justeru itu, penulis mengesyorkan Kementerian Pendidikan juga memikirkan langkah jangka panjang untuk menukar ciri sistem sekolah kebangsaan di peringkat menengah supaya boleh menerima penawaran elektif pengajian Islam. Pada masa yang sama, kita mengesyorkan perubahan ciri sistem sekolah kebangsaan di peringkat rendah juga dilakukan supaya boleh menawarkan pengajian bahasa ibunda dan tradisi murid (POL) semula, khususnya, untuk pelajar Cina dan India, tanpa memerlukan sekolah eksklusif seperti sekolah rendah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, walaupun Perlembagaan memberi peruntukan ini..

Bercakap tentang perpaduan di peringkat kebangsaan, kurikulum kebangsaan perlu memikirkan secara serius untuk menghidupkan mata pelajaran *Pupils' Own Language* dan Pengajian Cina dan Tamil di peringkat menengah atas sepertimana

pengajian Melayu sebagai pilihan. Kita berharap kesediaan kita menerima kepelbagaian dalam semangat meraih kekayaan dan bukan sebaliknya adalah bertepatan dengan tuntutan Islam.<sup>20</sup> Kesatuan sistem pendidikan kebangsaan adalah sesuatu yang mendesak bukan sahaja untuk umat Islam tetapi juga bangsa lain di negara ini. Kita tidak dapat bayangkan apakah yang akan terjadi kepada sekolah rendah kebangsaan dan kesatuan negara sekiranya pelajar Cina terus menerus menghadiri SRJK Cina, pelajar India ke SRJK Tamil dan pelajar Melayu pula ke Sekolah Rendah Islam.

### **Cadangan Penyelesaian**

Dalam menghadapi masalah bebanan subjek yang perlu digarap oleh pelajar SMKA untuk menjadi lebih berdaya-saing dan elastik, kami mencadangkan supaya pelajar menentukan bidang yang mereka ingin dalami. Sekiranya bidang yang ingin didalami bukan pengajian agama, kami cadangkan mereka dikehendaki mempelajari pengajian syari'ah tetapi sekadar lulus di peringkat sekolah dan bukan untuk peperiksaan awam. Sebaliknya jika mereka mendalami bidang ulum syariyyah, mereka juga dikehendaki lulus dalam pengajian ilmu sains dan teknikal di peringkat sekolah. Bagaimanapun, kami mencadangkan bilangan yang mengkhusus dalam pengajian agama dikurangkan kepada peratus yang bersesuaian untuk keperluan negara-pensyarah dan guru agama, pegawai agama di jabatan agama, peguam dan hakim mahkamah syari'ah dan sebagainya. Kita hendaklah kembali semula kepada konsep agama sebagai tunjang kekuatan bagi setiap Muslim dan bukan sebagai satu profesion selain daripada golongan di atas. Sejarah mengajar kita bahawa ramai juga ulama mu'tabar seperti Imam Abu Hanifah yang bekerja dalam profesion lain tetapi berilmu dan berjaya berijtihad mengeluarkan idea yang inovatif dan kreatif dalam bab pengajian agama bagi menyelesaikan masalah umat. Berdasarkan ruh yang sama, kita sarankan supaya kurikulum KUIM mengambilkira memadukan pengkhususan pelajarannya dengan ilmu dan kemahiran sains aqli, iaitu menghidupkan konsep *double major* (dwi-pengkhususan) supaya graduannya lebih luwes.

Kedua, kita ingin sarankan supaya pengajian al-Qur'an yang lengkap 30 juzu' dimasukkan secara terancang dalam sukatan pendidikan Islam. Di sini kita bukan bermaksud tafsirnya tetapi sekadar bacaan, terjemahan dan kefahaman. Kita rasakan ini perlu supaya umat Islam generasi akan datang akan celik Qur'an. Ini boleh dilakukan untuk kedua-dua sistem persekolahan sebab kedua-duanya memakai sukatan pendidikan Islam yang sama. Kita rasa perkara ini dapat dilakukan sepanjang tempoh sekolah rendah dan menengah. Lebih baiklah pelajar didedahkan sendiri kepada al-Qur'an supaya mereka mengetahui kandungannya. Ini boleh dilakukan sebagai satu bacaan agama dan sastera. Kalau Barat boleh

menganggap Injil sebagai satu daripada Kitab Besar (Great Book) yang wajib dibaca untuk literasi pada satu ketika dulu di IPT dalam pendidikan liberalnya, kita berpendapat kenapa pula kita tidak boleh lakukan dalam sistem persekolahan walhal kitab terjemahan al-Qur'an yang bermutu dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris sudah lama terdapat di pasaran. Kita fikir literasi al-Qur'an adalah cara terbaik untuk menghapuskan faham dualisme dalam masyarakat Islam dalam kontek sistem persekolahan.

## **Kesimpulan**

Sistem persekolahan kebangsaan Malaysia terlalu dinamik dan kadangkala perubahannya sukar diikuti. Namun dalam hubungan sistem persekolahan dualistik bagi umat Islam, kita dapati banyak perubahan yang telah dilaksanakan untuk menghasilkan sistem pendidikan yang sepadu. Kita fikir akan tiba satu ketika di mana cuma nama sahaja yang lain pada dua sistem persekolahan ini, tetapi isinya serupa sepenuhnya. Sekiranya ini berlaku, bermakna terhapuslah dualisme yang telah kita alami begitu lama — hampir tiga kurun lamanya. Dengan itu juga kita harap tidak akan timbul masalah pelajar aliran agama untuk memasuki IPT dan juga untuk mendapatkan pekerjaan.

## **Nota Hujung**

<sup>1</sup>Dalam kontek kertas kerja ini sistem pendidikan Agama bermaksud sistem pendidikan Agama Islam.

<sup>2</sup>F.W.H. Kee dan G.Y. Hean, *Perspective: The Development of Education in Malaysia and Singapore* (Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books Asia Ltd., 1972), p. 7.

<sup>3</sup>Bukti kehadiran Islam di Semenanjung pada kurun ke-14 terdapat dalam penemuan Batu Bersurat di Terengganu pada tahun 1303 T.M. yang mencatatkan beberapa hukum hakam Islam dalam tulisan jawi. Untuk keterangan lanjut, sila lihat Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *The Correct Date of the Trengganu Inscription*, 2nd ed. (Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1984) dan S.Q.Fatimi, *Islam Comes to Malaysia* (Singapore: Malaysian Sociological Research Institute Ltd., 1963).

<sup>4</sup>Sila lihat Abdullah bin Abdul Kadir, *Hikayat Abdullah* terjemahan A.H.Hill, (Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1970), hal. 79.

<sup>5</sup>Lihat *The Preaching of Islam*, (London: Constable & Company Ltd., 1913), hal. 406-7.

<sup>6</sup>Munshi Abdullah sendiri pernah menterjemahkan beberapa Gospels dari Injil ke dalam bahasa Melayu untuk para mubaligh. Sila lihat *Hikayat Abdullah*, hal. 133.

<sup>7</sup>Untuk keterangan lanjut tentang sejarah perkembangan sekolah di negeri Selat, sila lihat D.D. Chelliah, *A History of the Educational Policy of the Straits Settlement* (Kuala Lumpur: The Government Press, 1948), hal. 36-42.

<sup>8</sup>Lihat *Report of the Select Committee of the Legislative Council to Enquire into the State of Education in the Colony (Wooley Report)*, 1870 dalam Wong dan Gwee, *Official Reports on Education in the Straits Settlements and the Federated Malay States 1870-1939* (Singapore: Pan Pacific Book Distributors (S) Pte. Ltd., 1980), hal.14.

<sup>9</sup>Lihat William R Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (New Haven: Yale University Press, 1967), hal. 66.

<sup>10</sup>Lihat Syed Ali Ashraf, *Crisis in Muslim Education* (London: Hodder & Stoughton, King Abdulaziz University, 1978).

<sup>11</sup>*Rancangan Malaysia Ke Enam 1991-95* (Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara, 1991), hal. 157.

<sup>12</sup>Sila lihat pernyataan lengkap tentang falsafah pendidikan Islam dari Syed Muhammad al-Naquib al-Attas, *Aims and Objectives of Islamic Education* (Jeddah: King Abdulaziz University, 1979), hal.158.

<sup>13</sup>Lihat pernyataan Pemangku Pengarah Bahagian Agama Islam, Kementerian Pendidikan, dalam Laporan Khas, "Religious Schools Make Mark," *New Sunday Times*, 7 Mac 1993.

<sup>14</sup>Sila rujuk kepada Cawangan Penyelarasan dan Pembangunan Pendidikan Islam, *Draf Kertas Konsep dan Kurikulum Sekolah Menengah Agama adi Bawah Penyelarasan LEPAL* (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Agama Islam, Jabatan Perdana Menteri, 1992), hal 4-5.

<sup>15</sup>Harun Din dan Sobri Salamon (Ed.), *Masalah Pendidikan Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur: Al-Rahmaniah, 1988).

<sup>16</sup>Lihat dokumen Unit Perancangan Dasar, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM, 'Satu cadangan untuk: menjadikan SMAR sebagai sekolah bantuan KPM dalam usaha untuk mewujudkan dan meningkatkan kesepaduan system pendidikan negara', Januari 1997, hal.2.

<sup>17</sup>Rujuk Ho Seng Ong, *Education for unity in Malaya* (Penang: Malayan Teachers' Union, 1952).

<sup>18</sup>Statistik daripada kertas kerja M Shukri Salleh dan Ku Halim Ku Ariffin, 'Kemasukan Pelajar-Pelajar Aliran Agama ke IPTA, Malaysia: Masalah dan Cadangan Penyelesaian,' yang dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sekolah-Sekolah Agama, PPIP, USM, 11-13 Oktober, 1999.

<sup>19</sup>Rujuk Zulkiple Abdul Ghani, 'Peluang Pendidikan Tinggi Pelajar Aliran Agama.' Kertas kerja yang dibentangkan pada Persidangan Kebangsaan Pendidikan Sekolah-Sekolah Agama, PPIP, USM, 11-13 Oktober, 1999.

<sup>20</sup>"Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu" (terjemahan Al-Qur'an 49:13).